

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

21. Adakah garis panduan pusat-pusat jagaan warga emas akan dikemaskini supaya lebih banyak unit-unit (perumahan dan swasta) boleh ditukar gunakan kepada pusat-pusat tersebut? Keperluan golongan warga emas tidak boleh diketepikan dan pusat-pusat jagaan warga emas memenuhi keperluan komuniti secara menyeluruh.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk mengemaskini garis panduan pusat jagaan warga emas. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP), berpandukan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 serta Garis Panduan Penubuhan Pusat Jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam melaksanakan setiap peraturan yang melibatkan pusat jagaan warga emas.

Pihak Berkuasa Tempatan berpandukan kepada garis panduan Pengawalan Tukar Guna Bangunan Kediaman Kepada Tadika, Taska, Pusat Jagaan Kanak-Kanak, Pusat Jagaan Ibu Bersalin dan anak serta Pusat Jagaan Orang Tua Di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang telah dikuatkuasakan pada 24 November 2016 manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula berpandukan kepada garis panduan Pusat Jagaan Warga Tua di Seberang Perai.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menawarkan diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastruktur bagi semua pusat jagaan yang beroperasi sebelum 15 September 2017. Diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastrukur bagi kos tukar guna bangunan kediaman ke pusat jagaan adalah bagi tempoh setahun iaitu 15 September 2017 hingga 14 September 2018. Manakala bagi pusat jagaan yang beroperasi mulai 16 September 2017, perlu mematuhi garis panduan yang sedia ada. Pemberian diskaun ini juga akan menggalakkan lebih ramai pengusaha pusat jagaan untuk tampil ke hadapan untuk berdaftar dengan JKM dan mengurangkan beban pengusaha.